

548:
ITM-MAHATHIR

1975

KUALA LUMPUR, 12 JAN. (BERNAMA) -- SATU RANG UNDANG-UNDANG SEDANG DIRANGKA SUPAYA MENTERI PELAJARAN MEMPUYAI KUASA SECARA LANGSUNG KEATAS INSTITUT TEKNOLOGI MARA (ITM).

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA HARI INI, TINDAKANNYA SEKARANG DALAM SOAL ITM ADALAH DIBAWAH AKTA MARA.

RANG UNDANG-UNDANG ITU ADALAH PERLU KERANA DENGAN MEMPUYAI KUASA SECARA LANGSUNG KEATAS ITM IA DAPAT BERTINDAK LEBIH BERKESAN LAGI, KATANYA KEPADA PEMBERITA HARI INI.

BELIAU TIDAK PULA MENJELASKAN BILA RANG UNDANG-UNDANG ITU AKAN DIBENTANGKAN DALAM PARLIMEN.

MENGENAI KENYATAANNYA BAHAWA BILANGAN PELAJAR ITM AKAN DIKURANGKAN DARI KIRA-KIRA 7,000 ORANG SEKARANG INI KEPADA 4,500, DR. MAHATHIR BERKATA, INI AKAN DILAKUKAN SECARA BERANSUR-ANSUR.

DALAM KEADAAN SEKARANG ITM TELAH MELEBEHI MENGGUNAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN DAN TENAGA PENGAJAR YANG ADA.

PADA MASA INI TERDAPAT KIRA-KIRA 600 TENAGA PENGAJAR DAN RAMAI LAGI BERTUGAS SECARA SAMBILAN UNTUK KEPERLUAN KIRA-KIRA 7,000 ORANG PELAJAR. -- BERSAMBUNG 1525/SZ

549:

ITM-MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DARI SEGI NISBAH GURU-PELAJAR, KEADAAN INI TIDAKLAH SEHAT.

DR. MAHATHIR MEMBERITAHU BAHAWA PERATURAN-PERATURAN BARU ITU AKAN DIKUATKUASAKAN DENGAN LEBIH BERHATI-HATI DALAM PENGAMBILAN PARA PELAJAR.

KEUTAMAAN AKAN DIBERIKAN KEPADA MEREKA YANG KAMI FIKIRKAN BOLEH MENDAPAT FAEDAH DARI KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG DITAWARKAN.

"MEREKA YANG TERLIBAT DALAM KEGIATAN YANG MEROSAKAN AKAN DISINGKIRKAN", KATANYA.

KATANYA LAGI: "MATALAMAT UTAMA KAMI SEKARANG IALAH MENGELUARKAN SISWAZAH-SISWAZAH YANG BERJAYA DAN BUKAN MEMPUYAI RAMAI BILANGAN PELAJAR."

MENGENAI EMPAT ORANG PELAJAR YANG DITAHAN KERANA TERLIBAT DALAM TUNJUK PERASAAN, BELIAU BERKATA, BELUM ADA KEPUTUSAN DIBUAT TENTANG TINDAKAN YANG AKAN DIAMBIL.

MENGENAI TEGURAN BAHAWA BELIAU TERLALU BERLEMBUT TERHADAP PELAJAR-PELAJAR YANG MENUNJUK PERASAAN, DR. MAHATHIR BERKATA, TUJUAN UTAMANYA IALAH UNTUK MENTENTERAMKAN KEADAAN.

"SEBAGAI NEGARA DEMOKRASI, KITA MESTI MENGIKUTI AMALAN-AMALAN DEMOKRASI. JUGA ADA BEBERAPA ESPEK LAIN YANG PERLU KITA KAJI TERMASUK REAKSI IBUBAPA DAN SAUDARA MARA.

"BUKANLAH MUDAH BAGI ORANG RAMAI MENGANGGAP SEPI PERKARA ITU APABILA ANAK-ANAK MEREKA ATAU SAUDARA MARA MEREKA TERLIBAT," KATANYA. --BERNAMA 1530/LK